

PENGIMARAHAN MASJID: MASJID MESRA UMMAH – ISU DAN CABARAN

Mohamad Sofuan Bin Mohamad Saleh
Fakulti Pengurusan & Muamalah, KUIS
msofuan@kuis.edu.my

ABSTRAK

Pengimarahkan masjid pada setiap masa adalah amat penting untuk memastikan amal ibadah, dakwah, penyebaran ilmu serta pelbagai program dan aktiviti pembangunan ummah yang bersesuaian dengan pelbagai golongan masyarakat dapat dilaksanakan secara berterusan dan berkesan di masjid. Kelangsungan pengimarahkan masjid yang dilaksanakan secara berterusan untuk menghasilkan natijah yang berkesan menuntut kepada penyertaan daripada semua golongan masyarakat; ummah. Justeru, masjid perlu menjadi masjid mesra ummah; masjid mesra golongan kanak-kanak, remaja, warga emas, wanita, orang kelainan upaya, musafir, gelandangan, transgender dan non-muslim agar semua golongan tersebut sentiasa mudah untuk hadir ke masjid. Untuk tujuan tersebut, pihak masjid perlu sentiasa menyantuni dengan baik dan penuh kasih sayang kepada semua golongan masyarakat tersebut, di samping menyediakan kemudahan-kemudahan infra yang bersesuaian dan diperlukan oleh mereka ketika di masjid serta menganjurkan program atau aktiviti yang bersesuaian dengan semua golongan masyarakat. Walaupun pada dasarnya pihak masjid menghadapi pelbagai kekangan dan cabaran dalam memenuhi kemudahan untuk semua golongan masyarakat tersebut, namun ianya bukan alasan untuk pihak masjid tidak berbuat sesuatu untuk mengimarahkan masjid.

Kata kunci: pengimarahkan, masjid, mesra, ummah, cabaran.

Pengenalan

Masjid merupakan sebuah institusi yang amat penting kepada seluruh umat Islam. Ianya sejajar dengan tindakan Nabi Muhammad SAW beserta para sahabatnya ketika mereka berhijrah ke Madinah, di antara perkara utama yang dilakukan ialah dengan membina masjid. Ketika zaman nabi Muhammad, masjid merupakan pusat pentadbiran negara, tempat perbicangan politik di mana dasar-dasar pentadbiran negara dibincangkan, tempat di mana aduan rakyat didengar dan diadili serta tempat perbicaraan kes-kes jenayah dijalankan dan hukumannya dijatuhkan serta tempat pendidikan masyarakat melalui majlis-majlis ilmu yang disampaikan oleh nabi Muhammad SAW. Pada masa tersebut, sebelum tertubuhnya Baitulmal, masjid juga merupakan pusat pengurusan ekonomi negara yang berkaitan dengan hal-ehwal kewangan dan perbendaharaan negara serta urusan-urusan perniagaan dan perdagangan di dalam negara. Pada ketika itu, masjid bukan sahaja menjadi tempat untuk beribadah semata-mata, bahkan Rasulullah menjadikan masjid sebagai pusat mengurus tadbir politik, ekonomi dan sosial negara Islam serta pusat merancang strategi peperangan. Masjid di zaman Rasulullah merupakan pusat pembangunan ummah yang menyantuni semua lapisan masyarakat; masjid mesra ummah (Kurniawan, 2014).

Pengimarahannya Masjid

Sementara itu, kepentingan masjid dewasa ini adalah disandarkan kepada fungsinya bukan sekadar sebagai tempat untuk melaksanakan ibadah solat lima waktu, bahkan masjid merupakan pusat pendidikan dan pembangunan ummah yang dijalankan melalui pelbagai aktiviti dan program seperti aktiviti dakwah, tazkirah, tarbiyah, penyebaran ilmu, program keibubapaan (*parenting*), kursus pra-perkahwinan, kem motivasi untuk remaja, khemah ibadah, kem anak soleh, bengkel-bengkel kecemerlangan akademik pelajar sekolah serta aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan (Abdul Munir, 2012). Sayugia, masjid merupakan sebuah institusi yang mempunyai tanggung jawab, fungsi dan potensi yang besar dalam melaksanakan usaha-usaha memperkasa pembangunan ummah pada masa ini; pengimarahannya masjid, masjid yang hidup dengan solat lima waktu dan diaktifkan dengan aktiviti serta program memperkasa pembangunan ummah pada setiap waktu yang dijalankan secara berkala (konsisten) dan sistematik (Nor Azlina et. al., 2016).

Pengimarahannya sebuah masjid dengan aktiviti-aktiviti yang berkaitan pendidikan dan memperkasa pembangunan ummah, menuntut kepada penyertaan semua golongan masyarakat agar aktiviti-aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan dan hasil positifnya dapat sampai kepada sasarannya seperti mana yang dirancang (Ariffin et. al., 2009). Tanpa penyertaan yang memberangsangkan dari semua golongan masyarakat ke atas aktiviti-aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah tersebut boleh menyebabkan kegagalan pihak masjid untuk mencapai objektif aktiviti tersebut dengan berkesan (Zulkefli & Nurul, 2015). Sayugia, penyertaan semua golongan masyarakat dan pelaksanaan program dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan pendidikan dan memperkasa pembangunan ummah adalah amat signifikan dalam proses pengimarahannya sebuah masjid.

Di antara golongan masyarakat tersebut ialah kanak-kanak, remaja, warga emas, wanita, orang kelainan upaya (Ab. Aziz Mohd Zin, 2009), musafir, gelandangan, transgender dan bahkan individu non-muslim; sembilan golongan masyarakat. Sembilan golongan masyarakat tersebut sememangnya ada di dalam mana-mana kariah sebuah masjid. Ini adalah kerana sebuah kariah itu terdiri daripada penduduk berlainan latar belakang masyarakat yang mewakili kepelbagaian usia, pendidikan, pendapatan, kemampuan fizikal, dan agama. Latar belakang masyarakat sebuah kariah yang pelbagai tersebut adalah sangat signifikan untuk diambil kira dengan serius oleh pihak masjid dalam usaha pengimarahannya masjid Mohd (Mohamad Rozaini et. al., 2014).

Kanak-kanak merupakan anak-anak yang berumur di antara 2 hingga 12 tahun. Remaja ialah individu yang berumur di antara 13 hingga 21 tahun (Abdul Razak et. al., 2010). Warga emas ialah individu yang berada dalam lingkungan usia 60 hingga 75 tahun. Wanita pula merujuk kepada wanita belum berkerja, berkerja atau suri rumah tangga sepenuh masa. Orang kelainan upaya ialah individu istimewa yang mengalami kekurangan sifat samada kelainan upaya fizikal atau kelainan upaya mental (Abdul Munir Ismail, 2015). Musafir merujuk kepada orang yang dalam perjalanan dari satu destinasi ke satu destinasi yang lain, dan di dalam perjalanan tersebut orang tersebut singgah seketika di sebuah masjid untuk berehat atau untuk apa-apa tujuan yang baik. Gelandangan ialah orang yang tidak mempunyai rumah untuk berteduh di kawasan kariah sebuah masjid. Transgender merupakan individu yang mengalami masalah kecelaruan minda dalam mengklasifikasikan jantina mereka. Ramai dari golongan ini yang terjebak dengan aktiviti tidak bermoral seperti penglibatan dengan LGBT. Non-muslim ialah orang yang belum Islam, samada mereka cenderung atau belum cenderung kepada Islam.

Kombinasi yang baik di antara aktiviti-aktiviti berkaitan pendidikan serta memperkasa pembangunan ummah di masjid dengan penyertaan yang memberangsangkan oleh sembilan golongan masyarakat tersebut, di samping boleh mengimarahkan sesebuah masjid, ianya juga mampu melahirkan masyarakat yang baik dan cemerlang di dunia dan akhirat (Ayip, 2009). Ianya adalah kerana objektif utama kesemua aktiviti berkaitan pendidikan serta memperkasa pembangunan ummah yang dijalankan oleh pihak masjid adalah untuk melahirkan insan yang berjaya di dunia dan akhirat (Saif, 2009). Justeru, pihak pengurusan masjid perlu memainkan peranan yang sangat signifikan dan melaksanakan inisiatif yang positif dengan mengambil langkah-langkah pro-aktif, agar dari masa ke semasa, pada setiap waktu, masjid sentiasa dikunjungi (diimarahkan) oleh segenap lapisan masyarakat tersebut.

Pihak masjid tidak boleh berpuas hati di mana masjid hanya dihadiri oleh segelintir golongan warga emas sahaja yang menunaikan solat lima waktu dan menghadiri majlis ilmu yang dianjurkan oleh pihak masjid (Abdul Halim & Mahfuzah, 2010). Pihak masjid perlu mengambil kira sembilan golongan masyarakat tersebut agar mereka juga dapat mengimarahkan masjid melalui penglibatan diri dengan aktiviti masjid yang pelbagai dan bersesuaian dengan mereka. Lantaran itu, pihak masjid perlu memikirkan dan mengenal pasti program atau aktiviti berkaitan pendidikan serta memperkasa pembangunan ummah yang bersesuaian dengan sembilan golongan masyarakat tersebut (Nurul Asmak Liana et. al., 2017). Justeru, dalam usaha untuk mengimarahkan masjid, pihak pengurusan masjid perlu menjadikan program atau aktiviti berkaitan pendidikan serta memperkasa pembangunan ummah tersebut adalah boleh diterima dan mesra kepada kesemua sembilan golongan masyarakat tersebut; masjid yang mesra ummah.

Masjid mesra ummah

Masjid mesra ummah merupakan masjid yang sentiasa menyantuni dengan baik dan penuh kasih sayang terhadap sembilan golongan masyarakat tersebut ketika mereka berada di masjid. Dalam menyantuni dengan baik semua golongan masyarakat tersebut ketika mereka berada di masjid, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian (Zainul Abidin, 2013). Perkara tersebut, antaranya melibatkan sikap pihak pengurusan atau ahli jawatan kuasa masjid dan jemaah masjid yang telah istiqamah ke masjid terhadap sembilan golongan masyarakat tersebut, kemudahan infra-struktur masjid yang bersesuaian dan diperlukan oleh sembilan golongan masyarakat tersebut serta program atau aktiviti berkaitan pendidikan serta memperkasa pembangunan ummah yang bersesuaian dan boleh diterima dengan baik oleh sembilan golongan masyarakat tersebut (Ezad et. al., 2010).

Ahli jawatan kuasa masjid dan ahli jemaah masjid yang telah istiqamah ke masjid perlulah terlebih dahulu mempunyai sifat serta sikap yang mesra sesama mereka: jemaah mesra ummah. Kemesraan yang wujud sesama jemaah masjid akan membantu memudahkan mereka untuk menyantuni dengan mesra sembilan golongan masyarakat tersebut ketika mereka berada di masjid dan seterusnya mudah untuk menjalin hubungan ukhawah yang baik dan mesra dengan mereka (Muhmad Faisal & Firdaus, 2018). Hubungan yang baik dan mesra di antara ahli masjid dan golongan masyarakat tersebut adalah amat penting bagi mewujudkan suasana ukhawah yang harmoni. Ikatan kemesraan dan keharmonian dalam ukhawah yang terjalin mampu menjadikan sembilan golongan masyarakat tersebut berasa diri mereka dihargai dan diambil peduli oleh pihak masjid ketika mereka hadir ke masjid. Faktor ini boleh mendorong sembilan golongan masyarakat tersebut untuk mudah hadir ke masjid di mana mereka akan sentiasa berasa teruja untuk beramal ibadah di masjid, di samping menghadiri program dan aktiviti

berkaitan pendidikan serta memperkasa pembangunan ummah yang dianjurkan oleh masjid.

Selain daripada itu, kemudahan dan infrastruktur masjid juga perlu mesra ummah; mesra kepada sembilan golongan masyarakat tersebut; kanak-kanak (Jamilia et. al., 2017), remaja, warga emas, wanita, orang kelainan upaya, musafir, gelandangan, transgender dan juga non-muslim. Pihak masjid perlu menyediakan kemudahan-kemudahan dan infrastruktur yang bersesuaian dan diperlukan oleh sembilan golongan masyarakat tersebut di masjid. Kemudahan dan infrastruktur masjid yang mesra ummah adalah amat penting untuk memberi keselesaan dan keyakinan dalam menyantuni sembilan golongan masyarakat tersebut di mana mereka mempunyai pelbagai keperluan fizikal yang berbeza-beza ketika mereka berada di masjid.

Sebagai contoh, kanak-kanak memerlukan bilik khas untuk mereka membuat aktiviti kanak-kanak sementara ibu bapa solat atau mendengar ceramah agama. Remaja memerlukan ruang khas untuk berdiskusi, menjalankan aktiviti *in door* dan *out door*. Warga emas memerlukan kemudahan mesra tempat wudhu, mesra tandas dan kerusi untuk solat. Golongan wanita memerlukan ruang khas solat yang selesa, tempat wudhu dan laluan wanita yang terlindung dan tempat tempat menyusukan anak dan sebagainya.

Faktor kemudahan dan infrastruktur masjid mesra ummah boleh menggalakan dan mendorong sembilan golongan masyarakat tersebut untuk sentiasa hadir mengimarahkan masjid samada untuk solat berjemaah, mendengar ceramah agama atau terlibat dengan program dan aktiviti berkaitan pendidikan serta memperkasa pembangunan ummah yang dianjurkan oleh masjid. Ianya adalah disebabkan adanya kemudahan yang sesuai dan selesa yang memenuhi keperluan yang diinginkan oleh golongan masyarakat tersebut di masjid.

Di samping itu, masjid mesra ummah juga dari masa ke semasa perlu sentiasa mengajurkan pelbagai aktiviti atau program berkaitan pendidikan dan pembangunan ummah yang bersesuaian dengan golongan masyarakat tersebut; golongan kanak-kanak, remaja, warga emas, wanita, orang kelainan upaya (Asiah, 2011), musafir, gelandangan, transgender dan juga non-muslim. Pelbagai aktiviti atau program berkaitan pendidikan dan pembangunan ummah yang bersesuaian tersebut perlulah dianjurkan secara berkala; samada mingguan (setiap minggu sekali) atau bulanan (sekali dalam setiap bulan). Ini adalah kerana aktiviti atau program yang dianjurkan secara berkala mampu untuk menghasilkan impak yang berkesan kepada golongan masyarakat tersebut. Justeru, kesannya mereka akan lembut hati untuk sentiasa mudah hadir ke masjid dan seterusnya mengimarahkan masjid di masa akan datang. Sebaliknya, sekiranya aktiviti atau program tersebut dianjurkan hanya sekali-sekala dalam masa setahun, adalah amat sukar untuk menghasilkan impak yang mampu melunakan golongan masyarakat tersebut untuk hadir mengimarahkan masjid.

Justeru, transformasi sesebuah masjid, daripada sekadar hanya tempat beribadah semata-mata, kepada masjid yang mesra untuk semua golongan masyarakat; masjid mesra ummah, ialah masjid yang sentiasa menyantuni dengan baik dan penuh kasih sayang terhadap sembilan golongan masyarakat tersebut ketika mereka berada di masjid. Sikap pihak pengurusan atau ahli jawatan kuasa masjid dan jemaah masjid yang telah istiqamah ke masjid, kemudahan infrastruktur masjid yang bersesuaian dan diperlukan serta program atau aktiviti berkaitan pendidikan serta memperkasa pembangunan ummah yang bersesuaian dan boleh diterima dengan baik oleh sembilan golongan masyarakat tersebut, merupakan faktor-faktor penting yang sepatutnya perlu ada di setiap masjid mesra ummah.

Faktor-faktor penting tersebut adalah untuk memastikan pada setiap masa keterlibatan Sembilan golongan tersebut dengan semua aktiviti atau program masjid; pengimarahkan masjid. Namun demikian, dalam usaha ke arah mengimarahkan masjid, terdapat isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak masjid untuk menjadi masjid mesra ummah. Isu dan cabaran tersebut adalah berkaitan sikap pihak pengurusan atau ahli jawatan kuasa masjid dan jemaah masjid yang telah istiqamah ke masjid, kemudahan infra-struktur masjid yang bersesuaian dan diperlukan serta program atau aktiviti berkaitan pendidikan serta memperkasa pembangunan ummah yang bersesuaian dan boleh diterima dengan baik oleh sembilan golongan masyarakat tersebut.

Isu dan cabaran masjid mesra ummah

Masjid mesra ummah merupakan masjid yang hebat kerana masjid tersebut dapat memberikan kemudahan dan layanan yang sewajarnya dalam menunaikan hak dan keperluan pelbagai golongan masyarakat; golongan kanak-kanak, remaja, warga emas, wanita, orang kelainan upaya, musafir, gelandangan, transgender dan juga non-muslim ketika mereka hadir di masjid. di antara layanan dan kemudahan yang sewajarnya dalam menunaikan hak dan keperluan pelbagai golongan masyarakat tersebut ialah sikap pihak pengurusan atau ahli jawatan kuasa masjid dan jemaah masjid yang telah istiqamah ke masjid, kemudahan infra-struktur masjid yang bersesuaian dan diperlukan serta program atau aktiviti berkaitan pendidikan dan memperkasa pembangunan ummah yang bersesuaian dan boleh diterima dengan baik oleh sembilan golongan masyarakat tersebut.

Namun, disebabkan oleh pelbagai isu yang menjadi faktor kekangan, ianya menyebabkan banyak masjid menghadapi pelbagai cabaran, halangan dan kesukaran dalam menyediakan kemudahan infrastruktur masjid yang bersesuaian dan diperlukan serta melaksanakan program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah untuk kesemua golongan masyarakat tersebut. Di antara kekangan tersebut ialah masalah kekurangan dana kewangan, masalah pentadbir masjid tiada pengalaman dan kemahiran, masalah kekangan tenaga penggerak untuk program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah, serta masalah ruang dalaman dan luar masjid yang amat terhad. Implikasinya, tidak banyak masjid yang berupaya untuk melaksanakan program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah serta menyediakan kemudahan infrastruktur yang bersesuaian dan diperlukan untuk semua golongan masyarakat tersebut (Utuberta, 2010).

Kekurangan dana kewangan

Faktor kekangan dana kewangan menyebabkan banyak masjid menghadapi pelbagai cabaran, halangan dan kesukaran dalam menyediakan kemudahan infrastruktur masjid yang bersesuaian dan diperlukan serta melaksanakan program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah untuk kesemua golongan masyarakat tersebut (Ahmad et. al., 2009). Sumber utama kewangan masjid yang diperolehi melalui kutipan tabung derma masjid adalah sangat terbatas kepada kegunaan untuk menampung kos operasi masjid. Penyediaan kemudahan infrastruktur masjid yang bersesuaian dan diperlukan serta melaksanakan program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah untuk kesemua golongan masyarakat memerlukan pihak masjid mengeluarkan kos berterusan yang besar (Mohd Yahya et. al., 2014). Untuk tujuan tersebut, pihak masjid memerlukan sumber kewangan yang besar dan kukuh, bukannya daripada kutipan tabung derma masjid (Haris, 2009).

Tiada pengalaman dan kemahiran.

Faktor pengalaman dan kemahiran adalah amat diperlukan oleh pihak masjid untuk merancang serta melaksanakan program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah untuk kesemua golongan masyarakat tersebut. Ketiadaan pengalaman dan kemahiran tersebut menyebabkan pihak masjid gagal untuk merancang dan melaksanakan program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah tersebut. Pengalaman dan kemahiran merancang serta melaksanakan program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah boleh diperolehi melalui perkongsian pengalaman pihak lain dan menerusi penyertaan pihak masjid dalam program pendidikan dan pembangunan ummah yang dianjurkan oleh pihak lain. Tanpa pengalaman dan kemahiran, adalah amat sukar untuk pihak masjid merancang serta melaksanakan dengan berkesan program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah yang terbaik untuk kesemua golongan masyarakat tersebut.

Kekangan tenaga penggerak.

Tenaga penggerak yang berkemampuan, berkecukupan dan mencukupi merupakan elemen penting untuk pihak masjid melaksanakan program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah untuk kesemua golongan masyarakat tersebut. Tenaga penggerak yang berkemampuan, berkecukupan dan mencukupi adalah diperlukan bagi memastikan setiap program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah dapat dijalankan dan dilaksanakan dengan efektif dan efisien (Shukeri et. al., 2016). Namun, pihak masjid menghadapi isu dan cabaran dalam memiliki tenaga penggerak berkemampuan, berkecukupan dan mencukupi bagi mengendalikan setiap program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah untuk kesemua golongan masyarakat tersebut.

Ruang dalaman dan luar masjid yang amat terhad.

Ruang dalaman masjid kebiasaannya disediakan hanya terhad kepada ruang solat untuk kaum lelaki dan wanita sahaja, selain tiada ruang di luar masjid yang menyediakan tempat untuk golongan masyarakat tersebut menjalankan aktiviti luar; sukan dan rekreasi (Tajuddin & Mohd, 2009). Ini adalah kerana sejak dari awal perancangan pembinaan ruang dalam masjid hanya difokuskan kepada pembinaan ruang solat untuk kaum lelaki dan wanita dan tidak mengambil kira pembinaan ruang untuk sembilan golongan masyarakat tersebut. Manakala ruang luar masjid pula hanya dirancang untuk pembinaan lanskap selain tempat letak kenderaan jemaah masjid. Amat sedikit masjid yang mempunyai ruang dalam dan luar masjid bagi memenuhi keperluan sembilan golongan masyarakat tersebut (YADIM, 2015). Sekiranya ruang khas untuk golongan masyarakat tersebut disediakan di dalam dan luar masjid, ianya akan melibatkan perbelanjaan sejumlah kos yang besar yang perlu ditanggung oleh pihak masjid. Justeru, tidak semua masjid mempunyai kemampuan kewangan yang boleh menyediakan ruang dalam dan luar masjid tersebut.

Kesimpulan

Masjid merupakan sebuah institusi yang amat penting kepada umat Islam kerana ianya merupakan tempat untuk melaksanakan ibadah, dakwah, penyebaran ilmu serta aktiviti-aktiviti pembangunan ummah yang lain. Lantaran itu, masjid perlu diimarahkan dari masa ke semasa pada setiap waktu oleh setiap golongan masyarakat. Untuk tujuan pengimarahkan atau memakmurkan sesebuah masjid agar perkara-perkara tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan, ianya menuntut kepada penyertaan semua golongan masyarakat. Di antara golongan masyarakat tersebut ialah kanak-kanak, remaja, warga emas, wanita, orang kelainan upaya, musafir, gelandangan, transgender dan non-muslim. Justeru, untuk memastikan keterlibatan mereka dengan semua aktiviti masjid, pihak masjid perlu sentiasa menyantuni dengan baik dan

penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang bersesuaian dan diperlukan oleh mereka ketika di masjid serta menganjurkan program atau aktiviti yang bersesuaian dengan semua golongan masyarakat; masjid mesra ummah. Walaupun pada dasarnya pihak masjid menghadapi pelbagai kekangan dan cabaran dalam memenuhi kemudahan untuk semua golongan masyarakat tersebut, namun ianya bukan alasan untuk pihak masjid tidak berbuat sesuatu. Langkah permulaan perlu dibuat, di samping usaha-usaha yang berterusan perlu dilakukan oleh pihak masjid dalam usaha untuk menyediakan kemudahan yang bersesuaian dan diperlukan oleh golongan tersebut di masjid demi untuk mengimarahkan masjid pada setiap masa.

Rujukan

- Ab. Aziz Mohd Zin, Mohamad Kamil Ab Majid, Anisah Ab Ghani, Mohd Fauzi Hamat, Nor Raudhah Hj Siren & Juwairiah Hassan. (2009). *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*. Penerbit Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur. (Ab. Aziz Mohd Zin 2009)
- Abdul Halim, T., & Mahfuzah, M. Z. (2010). Peranan institusi masjid untuk merealisasikan konsep kesepaduan ilmu dalam pendidikan. *Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid*. pp. 103-104.
- Abdul Munir Ismail. (2012). *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan*. Penerbit universiti Pendidikan sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Abdul Munir Ismail. (2015). Aksesibiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Masjid-masjid Daerah Tanjung Malim, Perak. *Jurnal Al-Hikmah*. Jilid 7(1) pp.62-78.
- Abdul Razak, A.M., Mohd Khairil, A. A. L., & Ezry Fahmy E. Y. (2010). Isu dan cabaran institusi masjid dalam pembentukan sahsiah remaja di era globalisasi dan cadangan penyelesaiannya. *Seminar Kebangsaan Pengajian dan Pembelajaran Berteraskan Masjid*.
- Ahmad, J., Ahmad, S., Ab. Majid, M. & Wahid, H. (2009). Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke arah Pengurusan Strategik. pkukmweb.ukm.my/~ekonis/BI/proceeding.html.
- Ariffin Abdul Mutalib, Norita Md Norwawi, Siti Norezam Othman, Nadiyah Eliyas (2009). *Zawiyatul Siber: Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengimarahkan Masjid*. *Seminar Pengurusan Masjid Peringkat ASEAN*. (Julai). Universiti Utara Malaysia.
- ASIAH ABDUL RAHIM, PROF. DATO' SRI AR. DR. (2011). KERTAS 4: AUDIT AKSES UNTUK ORANG KURANG UPAYA (OKU) DAN ORANG TUA DI MASJID DAN KAWASAN SEKITARNYA. *ACCESS AUDIT WORKSHOP IN BUILT ENVIRONMENT*. (12-14 JULY). KAED, IUM.
- Ayip, Zainuddin. (2009). Golongan Profesional Perlu Bantu Urus Masjid. *Milenia Muslim, YADIM*. Bil 85. hlm. 10.
- Ezad Azrai Jamsaari, Siti Noorasikin Tumiran, Kaseh Abu Bakar, Zamri Arifin. (2010). Peranan dan sumbangan institusi masjid dalam pembangunan masyarakat melayu Islam di Singapura: Satu kajian di masjid Assyafaah Sembawang. *Journal of Arabic and Islamic education*. 2(2). Pp.31-44.

- Haris, Salawati. (2009). 6 Strategi Masjid Boleh Buat Duit. Milenia Muslim, *YADIM*. hlm. 16-19. <http://pkukmweb.ukm.my/~jsb/jbp/index.html>.
- Jamilia binti Mohd Marsin, Syed Iskandar Ariffin, Raja Nafida Raja Shahminan & Norhalimah Idris. (2017). HOW CHILDREN USE AND VIEW THEIR MOSQUE CASE STUDY OF MASJID AT-TAQWA, TAMAN KOTA MASAI, JOHOR. *Journal of Built Environment, Technology and Engineering*. Vol. 3 (Sept). ISSN 0128-1003.
- Kurniawan, S. (2014). Masjid dalam lintasan sejarah umat Islam. *Journal of Islamic Studies*. 4(2). Hlm. 169-184.
- Mohd Rozaini Mohd Rahim, Mahazan Abdul Mutalib, Abdullah Haji Abdul Ghani, Muhammad Hashim, Wan Mohd. Fazrul Azdi Wan Razali, Mohamad Zaharuddin Zakaria, Nisar Mohammad Rahmad, Azman Ab. Rahman. (2014). Kepimpinan, Prestasi Masjid, dan Pembangunan Komuniti Menurut Al-Quran dan Hadith. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)* (e-ISBN 978-967-13087-1-4).
- Mohd Yahya Mohd hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul razak & Nurul Fadly habidin. (2014). Analisis eksploratori dana masjid di Negeri Perak. *Jurnal Syariah* 22(1): 1-20.
- Muhmad Faisal Ashaari & Firdaus Mokhtar. (2018). Pandangan Imam dan Pentadbir masjid tentang kehadiran masyarakat ke masjid. *Jurnal Hadhari*. 10(2) hlm.205-223 ejournals.ukm.my/jhadhari. issn 1985-6830. eissn 2550-2271
- Utaberta N., H. Othman, M. Surat. (2010). DOKUMENTASI, ANALISIS DAN PENGGUNAAN HADITH: SATU PENILAIAN KEATAS REKABENTUK MASJID MODEN DI MALAYSIA. *Journal of Building Performance*. ISSN: 2180-2106. Volume 1. Issue 1. Page 29.
- Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man (2016). Pemeraksanaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari. *e-Academia Jurnal UiTMT*. Vol.5. Issue.2. (<http://journaleacademiauitmt.edu.my/>)
- Nurul Asmak Liana Binti Bakar, Hamdi bin Ishak & Tengku Intan Zarina Binti Tengku Puji. (2017). HALANGAN PELAKSANAAN SOLAT FARDHU DALAM KALANGAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) PENGLIHATAN DI PERSATUAN ORANG-ORANG CACAT PENGLIHATAN ISLAM MALAYSIA (PERTIS) WILAYAH TERENGGANU. *Jurnal Ulwan*. Jilid 1. Hlmn. 43-62
- Saif, Abu. (2009). Penjenamaan Semula Dakwah dan Imarah Masjid Selangor. www.saifulislam.com.
- Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan, Syed Abdurahman Syed Hussin. (2013). Masjid Sebagai Pusat Pendidikan Berterusan Bagi Kanak-Kanak Dan Remaja: Satu Cadangan. *Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan*.
- Tajuddin M. Rasdi & Mohd T. (2009). Masalah Tafsiran Idea Seni Bina Masjid Dari Perspektif Historiografi barat. *Makalah Dunia Melayu dan Islam Satu Wacana*. ATMA UKM Bangi, hlm. 290.

Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM). (2015). Membangun model masjid mesra OKU.
([http:// www.yadim.com.my](http://www.yadim.com.my))

Zainul Abidin, M. A. (2013). Masjid Kita Kaku Tidak Mesra Pelanggan.
(<http://drmaza.com/home/?p=2507>)

Zulkefli Bin Aini, & Nurul Dalilah binti Yahaya. (2015). Pengimarahhan Masjid Berdasarkan Proses-Proses Pengurusan Islam. *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah*. Vol. 7. Hlm.1-7.